



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT




## TAJUK ; CIRI UTAMA PEMIMPIN YANG KU CARI



ISLAMIC SALVAGEUR OBEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





**"CIRI UTAMA PEMIMPIN YANG KU CARI".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>ita bersyukur dengan nikmat Islam dan Iman yang telah kita kecapai selama ini dengan berusaha menambahkan ilmu dan amal serta ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita sentiasa membina ketakwaan dengan beramal ibadah kepada Allah dan mengikut sunnah Rasul-Nya, memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT dan memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Rasul-Nya, mudah-mudahan akan menjadikan kita insan bertakwa dan beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk <b>"CIRI UTAMA PEMIMPIN YANG KU CARI"</b>, mudah-mudahan akan memberi manfaat dalam kehidupan kita.</p>	6



Pemimpin yang berjaya adalah seorang pemimpin yang bersifat takwa yang dapat melahirkan dirinya sebagai pemimpin yang diteladani yang dapat memimpin dirinya ke arah kebaikan dan kebenaran, malah ia mampu memimpin keluarga, masyarakat dan negara.

7

Antara asas utama kepimpinan berdasarkan ayat al-Quran dalam muqaddimah tadi ialah perlunya sebagai pemimpin bersifat amanah dan adil kepada ahli atau rakyatnya. Pemimpin yang bersifat amanah dan adil bukan sekadar retorik tetapi dibuktikan dengan perbuatan dan amalan. Sifat ini mesti dimiliki oleh pemimpin dan menjadikan ia sebagai prinsip asas kepimpinannya agar ia dipercayai dan dihormati. Sebaliknya jika prinsip asas ini diabaikan maka hilanglah kepercayaan, keyakinan dan penghormatan kepada seseorang pemimpin itu.

8

Prinsip asas utama inilah yang akan melahirkan budaya kerja iaitu tadbir urus yang baik. Tadbir urus yang baik itu ialah bagaimana sesebuah institusi itu dapat mengurus sesuatu amanah itu bebas daripada penyelewengan dan korupsi.

Peranan penting seseorang pemimpin ini pernah dijelaskan dalam sebuah hadis daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،  
وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا  
وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا

9



*"Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya, seorang pemimpin akan ditanya berkenaan rakyatnya, seorang suami akan ditanya berkenaan keluarganya dan orang di bawah tanggungjawabnya dan seorang isteri akan ditanya berkenaan urusan dalam rumah suaminya dan ahli keluarganya."*

*(Riwayat al-Bukhari dan muslim).*

10

Rasulullah SAW adalah pemimpin yang memenuhi fitrah manusia sejagat melalui sifat-sifat dan keperibadian yang tinggi dan mulia seperti sifat siddiq (berkata benar), amanah (tidak khianat), tabligh (menyampaikan tidak menyembunyikan) dan fatanah (bijaksana tidak bodoh). Menurut sirah, sebelum Baginda diangkat menjadi Rasul pemimpin Quraisy pernah memberi gelaran 'al-Amin' kepada Baginda kerana ketinggian sifat integriti dan akauntabiliti Baginda dalam memberi perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat. Gelaran 'al-Amin' ini telah membangkitkan dan mencetuskan rasa keyakinan dan kepercayaan berterusan kepada sebahagian besar masyarakat Quraisy terhadap Rasulullah SAW.

Walaupun mehnah yang dihadapi oleh Baginda cukup sengit seperti pernah ditawarkan jawatan raja, wanita cantik, dan harta kekayaan agar Rasulullah SAW tidak meneruskan dakwah mengajak manusia kepada Islam oleh pemimpin-pemimpin kanan Quraisy, namun Rasulullah SAW menolak semua tawaran itu lantaran kekuatan integriti dan maruah kepimpinan Baginda yang tinggi dan ampuh.

11

Keadilan Rasulullah dapat dilihat ketika Fatimah meminta baginda memberikan kepadanya seorang hamba dari harta rampasan bagi membantunya membuat kerja-kerja rumah, tetapi baginda mengesyorkan puterinya itu supaya mengamalkan tasbih 33 kali, tahmid 33 kali dan takbir 34 kali.

12



Sebenarnya kisah ini telah mengkhabarkan kepada kita bahawa Rasulullah SAW walaupun Baginda seorang pemimpin sebuah Negara jelas lebih mengutamakan *Ahlu Suffah* yang hidup susah berbanding mengutamakan diri dan keluarganya. Semua khadam perempuan itu dijual oleh Rasulullah SAW dan wangnya digunakan bagi membantu *Ahlu Suffah* tersebut yang selama ini hidup fakir menumpang di pangkin-pangkin serambi masjid. Walaupun Baginda seorang pemimpin negara tetapi Baginda lebih mementingkan masalah orang lain daripada masalah ahli keluarganya sendiri. Baginda tidak mengutamakan kroni atau golongan yang ada disekeliling Baginda tetapi masalah rakyatnya lebih diutamakan.

13

Pemimpin yang kita cari ialah pemimpin yang bersifat kepimpinan rasul iaitu bersifat amanah, adil, tulus, telus, bijaksana dan berintegriti tinggi di sisi Allah SWT. Daripada sinilah pemimpin dirujuk sebagai pemimpin yang dihormati dan disegani. Pemimpin juga bukan sekadar untuk mendapatkan kuasa. Kuasa adalah suatu taklif atau amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT. Amanah dalam kepimpinan tidak hanya terhubung dengan Allah sahaja, tetapi hikmahnya akan melimpah semula kepada umat manusia. Pemimpin yang adil, berintegriti dan dekat dengan Allah sentiasa menghisab dan muhasabah diri supaya nilai integriti itu akan sentiasa menyinari sesiapa yang berada di sampingnya.

14

Berlaku adil pada diri dan orang lain amat dituntut dalam agama. Pemimpin adalah ikon kepada pengikutnya yang meletakkan *thiqah* dan kepercayaan tinggi terhadapnya. Ketidakadilan dalam memimpin, sering menipu pengikut, bicara lidahnya hebat untuk mempengaruhi orang lain, hilang malu kepada Allah adalah pemimpin yang termasuk dalam kelompok melakukan kefasikan dan kezaliman.

15



Allah SWT amat melarang pemimpin seperti ini dan tidak layak untuk menjadi pemimpin. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

16

*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)."*

17

Oleh itu kita menyeru kepada pemimpin dan bakal pemimpin wajib memiliki prinsip teras ini. Seandainya ciri-ciri ini tercalar dengan pelbagai persoalan akhlak yang buruk, ia bakal menghakis keyakinan rakyat dan menjadi sumber fitnah kepada ummat sejagat. Pemimpin Islam tidak sekadar diberikan kuasa dan meminta kuasa. Di sebalik kuasa itu ada amanah yang besar yang mesti dilunaskan dan dipertanggungjawabkan di sisi Allah SWT.

18



Kesimpulan daripada khutbah ini adalah:

1. Umat Islam hendaklah memilih pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan Rasulullah SAW yang bersifat benar tidak menipu, beramanah tidak khianat, menyampaikan tidak menyembunyikan dan cerdik tidak bodoh.
2. Umat Islam hendaklah memilih pemimpin yang berusaha mengatasi kesukaran rakyatnya, sangat mengambil berat dan sayang kepada orang-orang yang beriman.
3. Umat Islam hendaklah memilih pemimpin yang lebih mengutamakan masalah rakyatnya daripada kepentingan serta masalah peribadi atau ahli keluarganya.
4. Umat Islam hendaklah berijtihad menggunakan seluruh daya dan upaya dengan pertimbangan mengikut prinsip-prinsip Islam ketika mengundi memilih pemimpin yang dapat menjaga kepentingan umat dan agama Islam.

19

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا  
إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

20

*"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan. Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya."*

21

(al-Baqarah : 11-12).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَّالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ اِيْمِ الْعَوْنِ وَالْهَدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّوْا اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَطَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

18

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ  
وَالْمِحْنَ، بِطُفَاكِ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

19

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.  
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾

20

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

21

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ  
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

22